



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

KAJIAN LUAR

MASALAH KEMISKINAN DI MALAYSIA

SUBJEK : FALSAFAH DAN ISU SEMASA (UHIS1022)

PROGRAM: KEJURUTERAAN DATA (SECP)

SEKSYEN : 73

SEMESTER 1, 2020/2021

DISERAHKAN KEPADA : DR ABDUL HALIM

NAMA	NO MATRIK	NO TELEFON
MYZA NAZIFA BINTI NAZRY	A20EC0219	010-980 2910
RADIN DAFINA BINTI RADIN ZULKARNAIN	A20EC0135	010-406 9891
NUR IZZAH MARDHIAH BINTI RASHIDI	A20EC0116	012-924 0124
AMIRAH RAIHANAH BINTI ABDUL RAHIM	A20EC0182	019- 277 1545

ISI KANDUNGAN

PENGENALAN	4
OBJEKTIF KAJIAN	5
LOKASI KAJIAN	5
RASIONAL KAJIAN	5
KEPENTINGAN KAJIAN	6
METODOLOGI KAJIAN	7
DAPATAN KAJIAN	9
Data Demografi Responden	9
Punca Kemiskinan di Malaysia	10
Impak Kemiskinan dari Pelbagai Perspektif	12
Solusi bagi membanteras Kemiskinan	13
PERMASALAHAN KAJIAN	19
CADANGAN ATASI MASALAH	21
KESIMPULAN	24
RUJUKAN	25

PENGENALAN

Tajuk tugas kajian luar ini ialah ‘Kemiskinan di Malaysia’. Menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua, kemiskinan ditakrifkan sebagai situasi yang serba kekurangan dengan barang-barang keperluan hidup. Dalam menentukan status kemiskinan, Jabatan Perangkaan Malaysia telah memperkenalkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Pada awalnya, had PGK telah ditetapkan dengan kadar RM 980 yang telah diguna pakai sejak tahun 2005. Namun, setelah disemak semula, had pendapatan kemiskinan telah dinaikkan kepada RM 2208, iaitu kelompok sepuluh peratus terbawah isi rumah yang menjadikan situasi kemiskinan di Malaysia lebih realistik. Pada tahun 2016, Malaysia telah mencatatkan kadar kemiskinan sebanyak 7.6%, manakala bagi tahun 2019, terdapat penurunan hingga mencecah 5.6%. Perubahan sebanyak 2.0% dalam masa 3 tahun ini boleh diinterpretasikan sebagai sebuah kejayaan kepada negara.

Anjakan paradigma bagi memajukan Malaysia harus dilakukan agar negara kita selaras dengan negara-negara maju yang lain seperti Norway yang merekodkan kadar kemiskinan sebanyak 0.5%. Kemiskinan di Malaysia ini wajarlah kita basmi agar Malaysia dapat berkembang maju secara efisien tanpa halangan dari permasalahan lain seperti kemiskinan. Sejarah dengan pandemik Covid-19 yang melanda di Malaysia, kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di serata negara bagi meminimumkan risiko jangkitan virus Covid-19 ini. Oleh yang demikian, terdapat pihak-pihak dan sektor-sektor yang terjejas dari segi ekonomi dan pendapatan mereka. Dr Muhammed Abdul Khalid, seorang pakar ekonomi berkata, kadar kemiskinan mutlak Malaysia akan meningkat daripada 5% hingga 17% jika seseorang individu di Malaysia hilang pendapatan yang bernilai RM 700.

Kajian luar ini akan menghuraikan tentang punca-punca insiden kemiskinan dan solusi-solusi yang efektif bagi menangani sekaligus membasmi masalah ini. Huraian akan disokong dengan keputusan soal selidik yang telah dijawab oleh 52 orang responden. Terdapat beberapa faktor-faktor kemiskinan seperti kos hidup yang meningkat saban hari dan kekurangan bantuan diberikan akan dikupas dengan lebih mendalam. Serentak dengan itu, penyelesaian bagi masalah kemiskinan seperti mengumpul dana dan memperbanyak lagi peluang pekerjaan akan turut dihuraikan dengan lebih terperinci.

OBJEKTIF KAJIAN

- Menganalisis punca kemiskinan di Malaysia.
- Menganalisis impak kemiskinan dari pelbagai perspektif.
- Mengkaji solusi bagi mengurangkan kadar kemiskinan.

LOKASI KAJIAN

Lokasi kajian yang dipilih untuk kajian luar ini adalah seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Lokasi ini dipilih untuk memudahkan kajian dilakukan supaya dapat menganalisis punca-punca kemiskinan dengan lebih terperinci di samping dapat mendidik individu dan masyarakat tentang isu-isu semasa yang semakin ketara saban hari di negara kita ini.

RASIONAL KAJIAN

Kajian ini penting untuk menjadi satu panduan kepada rakyat Malaysia agar rakyat Malaysia boleh berganding bahu dan bekerjasama dalam mengatasi masalah kemiskinan yang semakin parah di Malaysia menyebabkan ekonomi negara terjejas dan merosot. Dengan mengkaji masalah kemiskinan, negara Malaysia dapat menyahut matlamat pertama di dalam Matlamat Pembangunan Malaysia (Sustainable Development Goals) iaitu mencapai sifar kemiskinan dalam kalangan rakyat Malaysia. Kajian ini juga akan meningkatkan kesedaran dalam kalangan rakyat untuk memahami betapa seriusnya masalah ini kerana majoriti rakyat Malaysia kurang peka dalam mengambil tahu dan kurang membantu dalam menangani masalah ini.

Melalui kajian ini, ibu bapa dan pihak sekolah juga boleh mengenal pasti hubungan antara pendidikan dan cara kehidupan seseorang individu memainkan peranan yang besar dalam kewujudan masalah kemiskinan di Malaysia. Pihak kerajaan juga dapat tahu akan impak masalah kemiskinan ini terhadap seseorang individu, masyarakat dan negara dan cara yang boleh

dilakukan untuk mengatasi masalah ini. Maka, semua pihak boleh bekerjasama untuk merealisasikan matlamat Malaysia untuk membanteras masalah ini.

Sekiranya kajian ini tidak dilakukan, ramai rakyat Malaysia tidak akan sedar masalah ini merupakan salah satu masalah yang serius yang Malaysia sedang hadapi. Oleh itu, ekonomi negara Malaysia akan perlahan-lahan hancur tanpa disedari sekiranya tiada pihak mengambil inisiatif untuk menyebarkan tentang masalah ini kepada masyarakat Malaysia supaya ianya dapat diatasi bersama.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian luar tentang Kemiskinan di Malaysia ini bermakna dan penting untuk dijalankan kerana sebagai rakyat Malaysia yang prihatin, kita seharusnya mengenal pasti masalah-masalah yang berlaku ke atas negara kita dan cuba menyelesaikan kesulitan yang timbul sedaya upaya. Malaysia juga mempunyai potensi untuk berkembang maju seperti negara maju yang lain jika permasalahan-permasalahan negara dapat diselesaikan dengan bijak dan efisien. Kemiskinan di Malaysia dijangka akan meningkat kerana rakyat Malaysia yang lebih mudah terjatuh ke gaung kemiskinan berikutan dengan kehilangan pekerjaan atau dipotong gaji akibat pandemik Covid-19 yang melanda Malaysia. Kajian luar ini akan menghuraikan krisis kemiskinan di Malaysia dengan menghuraikan punca-punca permasalahan dan pendekatan-pendekatan yang boleh diambil bagi mengurangkan insiden ini daripada terus berlaku, sekaligus membasmikan masalah ini. Selain itu, kajian ini juga berpotensi untuk memberi pencerahan tentang krisis kemiskinan di negara Malaysia dengan menjelaskan punca-punca insiden dan jalan penyelesaiannya.

METODOLOGI KAJIAN


Pada permulaan kajian ini, kami menyediakan platform untuk mengumpul responden-responden tidak mengira latar belakang untuk menjawab soalan-soalan kami. Metod yang telah kami gunakan adalah metod soal selidik dalam talian dimana kami menggunakan platform Google Form untuk menyediakan soalan-soalan yang berkaitan dengan tajuk kami, Kemiskinan di Malaysia. Satu pendekatan umum iaitu pendekatan kuantitatif telah kami gunakan di dalam kajian ini. Pendekatan kuantitatif ini memberi makna yang jelas dan lebih tertumpu kepada hasil. Selain itu, pendekatan ini juga mempunyai penjadualan yang lebih jelas untuk memudahkan para penyelidik menganalisis data-data yang telah dicapai daripada kajian tersebut.

Pada bahagian utama borang soal selidik, kami bertanyakan kepada para responden tentang soalan-soalan yang berkaitan sosiodemografi. Contoh soalan-soalan yang ditujukan kepada mereka adalah umur, negeri tempat tinggal, tahap pendidikan, sektor pekerjaan dan akhir sekali kelas sosioekonomi (kumpulan pendapatan seperti B40, M40 dan T20). Ini bertujuan untuk membolehkan kami mengenal latar belakang responden kami untuk proses analisis. Tambahan kepada soalan-soalan tersebut, iaitu pada bahagian yang seterusnya kami meminta para responden untuk menjawab soalan yang berkaitan dengan lebih mendalam tentang kemiskinan di negara kita dari segi kesan, punca dan solusi. Soalan ini berbentuk skala di mana responden perlu memberi pandangan mereka mengikut skala yang diberikan iaitu tidak setuju, tidak pasti dan setuju.

Dengan menggunakan teknik dan kaedah ini, proses mengumpul data dan pendapat daripada para responden menjadi bukan sahaja lebih mudah malah lebih efektif memandangkan kajian ini terpaksa dijalankan dalam talian akibat pandemik yang melanda negara kita.

DAPATAN KAJIAN

Punca Kemiskinan di Malaysia



Rajah 1 : Punca kemiskinan di Malaysia

Rajah 1 di atas adalah kajian mengenai punca kemiskinan di Malaysia. Kajian di atas menunjukkan bahawa kebanyakan responden iaitu seramai 23 responden (44%) tidak pasti bahawa peningkatan migrasi dari luar bandar ke bandar merupakan punca kemiskinan di Malaysia. Ini menunjukkan bahawa masih ramai rakyat Malaysia yang tidak mengambil tahu akan persaingan sengit untuk mendapat pekerjaan di Malaysia dan tidak tahu bahawa peluang pekerjaan di Malaysia adalah terhad dan permintaan untuk pekerjaan pada zaman sekarang lebih tinggi berbanding dahulu. Selain itu, seramai 30 orang responden (58%) telah setuju bahawa kemahiran pembangunan diri yang terhad memainkan peranan dalam masalah kemiskinan di Malaysia. Ini membuktikan bahawa cara hidup dan cara seseorang individu membawa diri mereka mempengaruhi kehidupan individu tersebut. Dengan kekurangan kemahiran sosial di dalam diri seseorang individu, orang tidak akan pilih individu tersebut untuk mendapat pekerjaan tersebut kerana ada ramai lagi orang lain yang lebih bagus dan sesuai untuk pekerjaan tersebut terutamanya dengan jumlah penganggur yang tinggi pada masa kini di Malaysia.

Manakala seramai 49 orang responden (94%) bersetuju bahawa faktor kemiskinan di Malaysia ialah kos hidup di bandar adalah tinggi. Ini membuktikan bahawa jumlah minimum pendapatan seorang rakyat Malaysia tidak setara dengan kos sara hidup terutamanya di bandar. Dengan tiada perubahan dalam pendapatan minimum seseorang pekerja, ramai rakyat Malaysia mengalami kesusahan dari aspek kewangan seperti kebanyakan rakyat Malaysia tidak mempunyai duit yang cukup untuk pembelanjaan kehidupan sehari-hari mereka kerana kos tempat tinggal dan kos pemakanan pada zaman moden ini semakin mahal. Akhir sekali, seramai 38 responden (73%) telah bersetuju bahawa kekurangan bantuan terhadap orang yang tidak berkemampuan merupakan salah satu punca kemiskinan di Malaysia berlaku. Ini menunjukkan bahawa pihak kerajaan tidak memberi usaha dan perhatian yang sepenuhnya untuk menangani masalah ini kerana ramai rakyat Malaysia yang tidak berkemampuan tidak diberi bantuan yang telah dijanjikan oleh kerajaan. Malah, sebilangan rakyat ditolak daripada menerima bantuan kerana jumlah bantuan yang terhad di Malaysia.

Berdasarkan graf di atas dapat disimpulkan bahawa punca kemiskinan yang paling ketara di Malaysia ialah kos hidup di bandar yang tinggi di mana 49 responden (94%) telah mengundi bahawa responden setuju bahawa faktor ini yang memainkan peranan yang paling besar dalam masalah ini. Ini menandakan bahawa pihak kerajaan seharusnya mengikuti perkembangan cara hidup moden kini supaya semua rakyat Malaysia boleh hidup dalam keadaan yang selesa.

Impak Kemiskinan dari Pelbagai Perspektif




Rajah 2: Impak Kemiskinan dari Pelbagai Perspektif

Seterusnya, Rajah 2 di atas ini pula merupakan graf gabungan yang merangkumi 4 soalan berkaitan impak kemiskinan yang melanda nasib seseorang individu terutamanya semasa pandemik yang masih berterusan ini. Setiap soalan diberi tiga pilihan jawapan iaitu tidak setuju, tidak pasti dan setuju supaya responden boleh memilih mengikut skala berdasarkan perspektif masing-masing. Untuk pernyataan yang pertama iaitu "Individu tidak dapat melangsungkan hidup dengan baik." daripada jumlah keseluruhan responden iaitu 51 orang sebanyak 44 orang responden bersetuju manakala 7 orang responden kurang pasti. Seterusnya, bagi pernyataan "Individu terbeban dengan hutang yang banyak menyebabkan hidupnya bertambah stres." pula, 43 orang responden yang merupakan jumlah tertinggi bersetuju dengan kenyataan tersebut dan 7 orang responden kurang pasti dan hanya seorang responden sahaja yang tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Bagi pernyataan yang ketiga "Etika dan moral individu boleh terjejas kerana hidupnya yang tidak terurus." terdapat 33 orang responden bersetuju dan 6 orang responden adalah sebaliknya. Akhir sekali, "Pelbagai penyakit yang mudah didapati oleh kerana stres atau tidak makan kerana tiada duit." telah dipersetujui oleh 38 orang responden dan seorang responden tidak bersetuju, selebihnya tidak pasti.

Melalui dapatan data analisis tersebut kita dapat simpulkan di sini bahawa hampir kesemua responden bersetuju bahawa kemiskinan memberi impak yang besar kepada golongan miskin seperti individu tidak dapat melangsungkan hidup dengan baik, individu terbeban dengan hutang yang banyak menyebabkan hidupnya bertambah stres, etika dan moral individu boleh

terjejas kerana hidupnya yang tidak terurus dan pelbagai penyakit yang mudah didapati oleh kerana stres atau tidak makan kerana tiada duit. Sesetengah individu yang tidak bersetuju pula mungkin mempunyai kurang pengetahuan dan pendedahan tentang isu kemiskinan di negara kita.

Solusi bagi membanteras Kemiskinan




Rajah 3: Langkah yang boleh dilakukan untuk mengatasi masalah kemiskinan di Malaysia sebagai seorang rakyat Malaysia

Rajah 3 di atas adalah kajian mengenai langkah yang boleh dilakukan untuk mengatasi masalah kemiskinan di Malaysia sebagai seorang rakyat Malaysia. Hasil soal selidik daripada 52 orang responden menunjukkan seramai 44 responden (85%) bersetuju bahawa seseorang warganegara Malaysia haruslah berusaha bersungguh-sungguh dalam pelajaran untuk membanteras masalah kemiskinan di Malaysia. Ini menunjukkan bahawa pendidikan amat penting untuk seseorang individu untuk mencari kerja dan memainkan peranan besar dalam kerjaya seseorang kerana kebarangkalian untuk berjaya apabila mempunyai pendidikan yang baik lebih tinggi. Syarikat jarang memilih orang yang tidak berpendidikan untuk bekerja dengan

mereka kerana orang yang mempunyai banyak pengetahuan dan pendidikan tinggi dapat menyumbang lebih banyak untuk kemajuan syarikat.

Manakala seramai 41 responden (79%) bersetuju bahawa seseorang rakyat Malaysia semestinya menjauhi diri dari sebarang unsur rasuah untuk mengatasi masalah kemiskinan di Malaysia. Ini membuktikan bahawa rasuah memainkan peranan besar dalam masalah kemiskinan di Malaysia kerana masyarakat yang makan rasuah boleh menyebabkan persekitaran yang tidak baik untuk sosial dan juga pembangunan ekonomi. Hal ini juga akan menjejas sektor pelaburan dan ini akan mengurangkan peluang pekerjaan dan pembiayaan awam seperti pembiayaan untuk pendidikan, kesihatan dan lain-lain. Oleh itu, ramai orang akan mengalami kesusahan untuk mencari pekerjaan untuk menampung diri dan keluarga.

Berdasarkan graf di atas dapat disimpulkan bahawa langkah yang harus dilakukan oleh seorang rakyat Malaysia untuk membanteras kemiskinan di Malaysia ialah berusaha bersungguh-sungguh dalam pelajaran di mana 44 responden (85%) telah mengundi bahawa responden setuju bahawa langkah ini adalah langkah yang paling sesuai untuk rakyat Malaysia lakukan dalam mengatasi masalah ini. Ini menandakan rakyat Malaysia hendaklah menjadikan pelajaran mereka salah satu prioriti utama dalam hidup mereka supaya masyarakat yang berpengetahuan dan inovatif boleh diwujudkan kerana semasa belajar di sekolah dan di universiti, kemahiran berfikir dan kemahiran sosial seseorang individu juga akan dibentuk.




Rajah 4: Langkah yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah untuk mengatasi masalah kemiskinan di Malaysia

Rajah 4 di atas adalah kajian mengenai langkah yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah untuk mengatasi masalah kemiskinan di Malaysia. Kajian di atas menunjukkan bahawa kebanyakan responden iaitu seramai 48 responden (92%) bersetuju bahawa pihak sekolah seharusnya memupuk dan mendidik generasi muda tentang kepentingan menabung. Ini menunjukkan bahawa mengamalkan amalan menabung di dalam kehidupan seseorang individu efektif dalam menjimatkan duit. Dengan mengamalkan amalan menabung, seorang individu boleh belajar untuk mengawal perbelanjaan seharian mereka. Oleh sebab itu, mereka juga tidak akan boros apabila membeli sesuatu. Dengan ini, pihak sekolah terutamanya guru tadika haruslah mengajar anak murid cara menabung yang betul dan menjadi inspirasi kepada anak murid supaya anak murid mengikuti jejak langkah guru untuk mengamalkan amalan menabung dalam kehidupan seharian mereka.

Hasil soal selidik daripada 52 orang responden menunjukkan seramai 47 responden (90%) bersetuju bahawa pihak sekolah haruslah mengumpul dana untuk membantu murid yang kurang berkemampuan. Ini membuktikan bahawa pendidikan seorang pelajar dipengaruhi dengan gaya hidup pelajar kerana orang yang tidak berkemampuan tidak mampu untuk pergi ke tuisyen dan

membeli buku latihan lebih untuk mendapat pemahaman yang lebih banyak dan mendalam dalam subjek sekolah mereka. Oleh itu, pelajar yang tidak berkemampuan perlu belajar dan memahami subjek sekolah dengan menggunakan keupayaannya sendiri. Ini boleh merugikan pelajar tersebut sekiranya pelajar tidak faham sepenuhnya atau kefahaman mereka berbeza dengan guru. Oleh sebab itu, pihak sekolah hendaklah melakukan sesuatu untuk membantu pelajar yang tidak berkemampuan supaya pelajar yang tidak berkemampuan juga boleh mendapat ilmu yang lebih seperti pelajar lain.

Berdasarkan graf di atas dapat disimpulkan bahawa langkah yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah untuk mengatasi masalah kemiskinan di Malaysia ialah memupuk dan mendidik generasi muda tentang kepentingan menabung di mana 48 responden (92%) telah mengundi bahawa langkah ini merupakan langkah yang terbaik untuk pihak sekolah lakukan dalam membanteras masalah ini. Ini menandakan bahawa pihak sekolah memainkan peranan yang besar dalam mengatasi masalah ini kerana pihak sekolah mempunyai kuasa untuk membentuk seseorang individu yang berguna dan berpengetahuan.



Rajah 5: Langkah yang boleh dilakukan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah kemiskinan di Malaysia

Rajah 5 di atas adalah kajian mengenai langkah yang boleh dilakukan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah kemiskinan di Malaysia. Kajian di atas menunjukkan bahawa kebanyakan responden iaitu seramai 41 responden (79%) setuju bahawa pihak kerajaan perlu menguatkuasakan undang-undang untuk kes riba untuk membanteras masalah ini. Ini menunjukkan bahawa kes riba di Malaysia mempengaruhi pembangunan ekonomi Malaysia yang menyebabkan jumlah penganggur di Malaysia meningkat. Dengan kes riba yang melanda di Malaysia, ini akan menyebabkan harga barang untuk meningkat dan pendapatan pekerja menurun. Maka, rakyat Malaysia akan mengalami kesukaran untuk menampung kos kehidupan mereka kerana harga barang yang tinggi dengan pendapatannya yang sikit.

Manakala seramai 51 orang responden (98%) bersetuju bahawa pihak kerajaan haruslah memperbanyakkan peluang pekerjaan di Malaysia untuk mengatasi masalah kemiskinan di Malaysia. Ini membuktikan bahawa ramai rakyat Malaysia menganggur dan mengalami kesusahan untuk mencari pekerjaan untuk menyara hidup. Meskipun ramai orang muda yang mempunyai pendidikan yang bagus dan tinggi pada zaman sekarang, namun kebanyakannya masih tidak mampu mendapat pekerjaan kerana peluang pekerjaan di Malaysia sedikit

berbanding dengan jumlah rakyat Malaysia yang memerlukan pekerjaan maka persaingan untuk pekerjaan amat sengit. Oleh itu, pihak kerajaan hendaklah berusaha untuk memperbanyakkan peluang pekerjaan untuk orang muda sekarang dengan memajukan ekonomi Malaysia.

Rajah 5 dirujuk, hasil kajian mendapati seramai 44 responden (85%) bersetuju bahawa pihak kerajaan hendaklah memperbanyakkan institusi khas untuk orang yang tidak berkemampuan bagi mengendalikan masalah ini. Ini menunjukkan peluang untuk orang yang tidak berkemampuan untuk menyambung pelajaran terhad kerana ramai orang yang tidak berkemampuan tidak dapat masuk ke universiti kerana tidak mampu untuk membayar kos pelajaran dan bantuan bagi golongan orang yang tidak berkemampuan juga terhad. Selain itu, orang yang berkemampuan juga memohon untuk masuk ke institusi khas tersebut yang menyebabkan peluang untuk orang yang betul-betul memerlukan bantuan ini masuk institusi ini lebih rendah. Dengan ini, pihak kerajaan haruslah berusaha untuk memperbanyakkan institusi khas bagi golongan yang tidak berkemampuan supaya golongan ini juga ada peluang untuk menyambung pelajaran dan berjaya.

Berdasarkan graf di atas dapat disimpulkan bahawa langkah yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah kemiskinan di Malaysia ialah memperbanyakkan peluang pekerjaan di Malaysia di mana 51 responden (98%) telah mengundi bahawa langkah ini merupakan langkah yang paling sesuai untuk pihak kerajaan mengambil tindakan dalam membanteras masalah ini. Ini menandakan bahawa pihak kerajaan hendaklah memperbanyakkan peluang pekerjaan supaya jumlah penganggur di Malaysia boleh dikurangkan. Oleh itu, pihak kerajaan perlu melabur lebih banyak dalam meneroka pelbagai bidang terutamanya dengan landskap pekerjaan yang berubah dengan cepat dalam zaman revolusi perindustrian keempat pada masa kini supaya peluang pekerjaan yang baru boleh wujud.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kemiskinan di Malaysia merupakan satu masalah yang besar tetapi banyak pihak yang mengambil mudah. Hal ini sepatutnya perlu diberi lebih perhatian kerana ia akan memberi kesan kepada negara, ekonomi dan rakyat sendiri. Isu kemiskinan ini dapat dilihat dengan lebih jelas apabila wabak Covid-19 melanda satu dunia. Pandemik ini telah menjadikan ekonomi Malaysia semakin teruk dan ramai rakyat yang di berhentikan kerja. Oleh yang demikian, terdapat beberapa masalah yang mendorong kepada kajian ini dijalankan.

Yang pertama, golongan yang tidak berkemampuan kurang mendapat perhatian khalayak ramai. Di era globalisasi ini, masih ramai yang tidak mempunyai rumah, tinggal di bawah jambatan dan merempat di tepi jalan. Ini merupakan masalah yang serius kerana sepatutnya kerajaan mengambil inisiatif untuk memastikan kebajikan semua rakyat dipelihara. Sehubungan dengan itu, anak-anak yang dilahirkan tidak dapat untuk meneruskan pengajian sama ada di peringkat sekolah atau di peringkat yang lebih tinggi. Hal ini akan menyebabkan kelangsungan generasi pelapis yang bijak tidak dapat dilahirkan. Seterusnya, seperti yang kita dapat lihat sekarang, golongan yang kaya semakin kaya dan yang miskin semakin miskin kerana wujud ketidakadilan dan sikap pilih kasih. Jika perkara ini tidak diambil berat dan dilangsungkan, kemiskinan di Malaysia mungkin akan meningkat.

Sehubungan itu, kos sara hidup yang semakin meningkat juga merupakan satu masalah yang perlu dipandang tinggi. Oleh kerana ekonomi malaysia yang tidak stabil, maka peningkatan kos barang-barang keperluan juga terjejas. Implikasinya, rakyat sanggup berlapar perut dan menahan sakit semata untuk meneruskan hidup. Selain itu, kekurangan peluang pekerjaan juga menyumbang kepada kemiskinan kerana tidak mempunyai pendapatan yang tetap. Menurut akhbar Berita Harian, “Jumlah penganggur pada Mac meningkat 17.1 peratus kepada 610,500 orang berbanding 521,300 orang pada bulan sama tahun lalu.” Ini adalah rekod yang merisaukan dan sehingga sekarang tiada jalan penyelesaian yang dapat dijumpai.

Bukan itu sahaja, dari segi individu pula masalah yang dapat dilihat adalah kurang kesedaran dalam amalan menabung kerana sikap boros dan ingin mengikut perkembangan semasa. Individu

menjadi alpa dan mereka tidak fikir akan kemungkinan atau apa apa masalah yang memerlukan duit pada masa akan datang. Apabila mereka tidak mempunyai duit simpanan kecemasan, mereka akan runsing kerana tiada duit. Sikap menabung ini sepatutnya dipupuk sejak kecil lagi.

Semasa melakukan kajian ini, kami turut berdepan dengan beberapa masalah dan halangan dalam mendapatkan informasi yang cukup dan sahih. Antaranya ialah, responden yang sedikit menyebabkan data yang didapati kurang memuaskan. Responden yang berjaya dikumpulkan hanyalah 51 orang. Oleh kerana itu, analisis kajian agak sukar untuk disimpulkan. Selain itu, soal selidik yang dilakukan secara dalam talian menyebabkan responden yang didapati tidak mempunyai variasi. Kebanyakan responden kami hanya di dalam kalangan umur 18-28 kerana borang soal selidik kami tidak berjaya disebarluaskan dengan luas. Ianya merupakan satu cabaran untuk kami dalam mendapatkan responden dari pelbagai kalangan umur.

Seterusnya, limitasi terhadap sumber informasi merupakan satu masalah buat kami. Kami hanya mempunyai sumber Google sahaja kerana keadaan sekarang tidak mengizinkan untuk pergi ke mana-mana perpustakaan. Disamping itu, pembelajaran secara atas talian menyebabkan kami sukar untuk mendapat bimbingan daripada pensyarah. Hal ini demikian kerana, jika kami berada di kampus ianya lebih mudah kerana kami boleh meminta pandangan atau tunjuk ajar dengan berjumpa pensyarah pada bila-bila masa. Akhir sekali, kerja berkumpulan secara atas talian juga sukar buat kami kerana sesi perbincangan sukar untuk dilakukan atas faktor masa, sambungan internet yang tidak menentu dan cara berkomunikasi antara satu sama lain.

CADANGAN ATASI MASALAH

Setiap masalah mestilah mempunyai cara atasi untuk diselesaikan. Berikut merupakan cadangan untuk atasi masalah yang ditertera di atas. Pertama sekali, pihak kerajaan perlu memberikan lebih perhatian terhadap golongan yang tidak berkemampuan. Seperti yang kita tahu, banyak inisiatif yang diberikan oleh pihak kerajaan seperti Bantuan Prihatin Nasional. Bantuan ini memerlukan permohonan secara atas talian dan kebanyakannya golongan miskin tidak mengetahui perkara ini. Oleh itu, kerajaan perlu memastikan bahawa kesemua bantuan dapat disampaikan kepada golongan ini supaya dapat meringankan beban mereka. Seterusnya, anak-anak yang tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran hendaklah dibantu oleh pihak kerajaan supaya mereka mempunyai ilmu yang sewajarnya seperti anak-anak lain. Pihak Kementerian Pelajaran boleh melakukan lawatan ke kawasan-kawasan terpencil untuk mencari anak-anak ini. Bagi rakyat pula, mereka boleh membantu dengan memberitahu pihak yang berkenaan jika terjumpa atau terlihat anak-anak kecil yang bekerja malahan sepatutnya mereka patut ke sekolah menuntut ilmu.

Selain itu, sikap pilih kasih dan ketidakadilan mestilah dibanteras supaya kesemua rakyat mendapat hak yang sama. Berikutan perkara ini, perpecahan antara masyarakat boleh berlaku kerana ketidakpuasan hati antara satu sama lain. Dengan ini, pihak kerajaan perlu memastikan bahawa tiada ketidakadilan ketika membuat keputusan untuk rakyat supaya semua mendapat hak sama rata. Rakyat pula boleh membantu dengan memberi sumbangan atau bantuan kepada individu yang tidak bernasib baik. Individu yang tidak bernasib baik ini seharusnya tidak mengambil kesempatan atau jadi semakin malas kerana mengharapkan bantuan. Mereka sepatutnya lebih gigih dan rajin untuk mengubah nasib hidup mereka. Disamping itu, ekonomi di negara Malaysia perlu ditingkatkan semula supaya kos sara hidup boleh menurun. Dengan ini, pihak kerajaan perlu memikirkan cara untuk menaikkan ekonomi semula seperti Tahun Melawat Malaysia. Rakyat pula boleh membantu dari segi membeli barang, bercuti di dalam Malaysia dan sebagainya.

Seterusnya, bagi menyelesaikan masalah kekurangan peluang pekerjaan, syarikat-syarikat perlu mengurangkan pengambilan buruh luar dan mengambil rakyat sendiri untuk bekerja.

Syarikat juga perlu menamatkan tempoh kerja bagi yang sudah berumur dan beri peluang pada graduan baru untuk mempelajari dan mencipta pengalaman bekerja. Tambahan pula, kebanyakkan syarikat yang membayar gaji rendah untuk pekerja mereka dan tidak setaraf dengan kerja yang diberi. Hal ini perlu dielakkan dan Kementerian Sumber Manusia perlu cakna dan periksa tentang perkara ini kerana sudah banyak aduan yang dilakukan dan rakyat juga sudah bersuara. Akhir sekali, kempen amalan menabung juga perlu dijadikan sebagai satu amalan yang utama. Di sini, pihak bank boleh memainkan peranan dengan mengadakan promosi pembukaan bank bagi kanak-kanak dan memastikan kempen yang dilakukan tersebar ke semua orang. Ibu bapa juga boleh mengalakkan anak-anak untuk menabung dengan memberikan mereka hadiah jika mereka berjaya mengumpul sejumlah wang supaya mereka lebih bersemangat.

Bagi mengatasi masalah yang kami hadapi semasa melakukan kajian ini adalah, kami perlu lebih rajin mencari maklumat di internet dan mengumpul maklumat dari luar juga. Walaupun kemudahan perpustakaan tidak dapat digunakan, ada juga banyak artikel dan buku atau “ebook” untuk menjadi panduan. Selain itu, responden yang sedikit membuatkan kami berfikir bahawa kami perlu lebih berusaha dalam menyebarkan soal selidik tersebut. Kami perlu meminta tolong kepada rakan-rakan, ibu bapa, pakcik dan makcik untuk sama-sama menyebarkan pautan soal selidik tersebut. Dengan ini, lebih ramai responden yang akan dapat dikumpul. Apabila lebih ramai responden yang didapati, lebih banyak variasi dan kalangan umur yang menjawab soal selidik ini. Dengan itu, analisis juga dapat dijalankan dengan lebih tepat dan mudah. Seterusnya, masalah komunikasi antara kumpulan boleh diselesaikan dengan cara mengadakan perjumpaan di atas talian seperti aplikasi Google Meet, Webex, Zoom dan banyak lagi. Aplikasi ini lebih mudah untuk ahli kumpulan berinteraksi dan berbincang untuk mencapai sepakat.

Kesimpulanya, kita dapat lihat bahawa setiap masalah mempunyai jalan penyelesaian cuma kita sahaja yang perlu berusaha untuk mencari jalan itu. Begitu juga dengan kemiskinan di Malaysia, jika rakyat dan kerajaan mempunyai kata sepakat yang sama kemiskinan ini pasti dapat dibanteras. Hal ini secara tidak langsung boleh melahirkan suasana yang harmoni, tiada sifat perkauman dan semua orang akan gembira. Kes jenayah juga dapat dikurangkan dan yang paling penting, Negara Malaysia akan menjadi lebih maju dan dikenali di mata dunia. Bak kata

pepatah, “kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat rebung dapat sagunya.” Pepatah tersebut jelas bahawa sesuatu benda tidak akan dapat dicapai kalau tidak berusaha.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, terbukti bahawa Malaysia sekarang ini sedang menghadapi masalah kemiskinan dan bahawa masalah ini tidak diberi perhatian yang secukupnya oleh rakyat Malaysia. Terdapat banyak faktor yang memainkan peranan yang besar dalam masalah ini yang masih belum kita atasi dan sudah sampai masanya untuk rakyat dan kerajaan Malaysia untuk membuka mata dan mengakui bahawa keadaan kemiskinan di Malaysia pada masa kini semakin tenat.

Dengan itu, semua rakyat Malaysia harus mengenalpasti punca masalah ini berlaku dan juga mengenalpasti akan impak yang akan dihadapi oleh negara Malaysia sekiranya masalah ini tidak kekal berlanjutan. Setiap pihak hendaklah memainkan peranan masing-masing dalam membanteras masalah kemiskinan di Malaysia supaya negara Malaysia boleh menjadi negara yang lebih maju seperti negara Barat dan juga menjadi tarikan di mata dunia.

RUJUKAN

1. Portal Rasmi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (2016). *SPRM Negeri*. Diambil dari:
<https://www.sprm.gov.my/index.php/hubungi-kami/sprm-negeri/196-info-rasuah/689-kegiatan-akibat-rasuah?templateStyle=22>
2. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=miskin>
3. <https://borgenproject.org/5-facts-about-poverty-in-norway/#:~:text=Norway%20is%20also%20one%20of,Norwegians%20still%20live%20in%20poverty>.
4. <https://www.sinarharian.com.my/article/108354/LAPORAN-KHAS/Ramai-orang-jatuh-miskin-angkara-Covid-19>
5. Kemiskinan keluarga dan pengaruhnya terhadap pendidikan anak-anak. Siti Masayu Rosliah Abdul Rashid dan Narimah Samat. *UKM, Bangi, 2018*. Diambil dari :
<https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/viewFile/26796/8239>
6. Graduan, siswazah miskin, golongan B40 susah dapat kerja setimpal. Mohd Azis Ngah. Bhnews, 2019. Diambil dari:
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/07/582258/eksklusif-graduan-siswazah-miskin-b40-sukar-dapat-kerja-setimpal>